

20 APRIL 2018

Sorok dadah RM3j dalam almari

32 DALAM NEGERI

Sorok dadah RM3j dalam almari

Oleh HARADIAN SHAH HAMDAN
pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 19 APRIL

TAKTIK sindiket menyorok 50 kilogram ketamin bernilai RM3 juta dalam dua buah almari gagal apabila Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya merampas barangan larangan itu pada 8 April lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Zulkifli Yahya berkata, dua almari yang mengandungi 50 bungkus dadah itu dibawa masuk menggunakan kontena dari Karachi, Pakistan melalui Pelabuhan Klang, Selangor.

Menurut beliau, hasil maklumat diterima, sepasukan anggota dari Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM telah menjejaki kontena tersebut di sebuah stor penyimpanan di Pelabuhan Klang.

"Dari stor itu, sebuah almari telah dimuatkan ke dalam but kereta Proton Wira dan dibawa keluar untuk menuju ke satu lokasi. Kita berjaya menahan kereta terbabit serta memberkas dua lelaki iaitu warga tempatan dan Pakistan di Jalan Haji Sirat, Klang pada pukul 3.30 petang.

"Hasil pemeriksaan menemukan 25 bungkus lut sinar mengandungi serbuk putih disorokkan di bahagian belakang almari



ZULKIFLI YAHYA menunjukkan dadah yang dirampas dalam sidang akhbar di Seremban, semalam. - UTUSAN/IZZUL AHMAD

kayu. Serbuk putih dipercayai dadah jenis ketamin seberat 25 kg dan bernilai RM1.5 juta.

"Hasil soal siasat terhadap dua suspek terbabit, terdapat sebuah lagi almari kayu di stor berkenaan yang turut mengandungi 25 bungkus ketamin bernilai RM1.5 juta disorokkan di dalamnya," katanya dalam sidang akhbar di Cawangan Narkotik JKDM di Kampung Jijan di sini hari ini.

Zulkifli memberitahu bahawa dadah itu disorokkan di bahagian

belakang almari dan terlindungi di sebalik laci bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Beliau berkata, pihaknya telah menahan seorang lagi suspek lelaki warga tempatan dipercayai mempunyai kaitan dengan pengedaran dadah itu di sebuah rumah di Klang pada kira-kira pukul 3 petang, 17 April lalu.

Menurut beliau, ketiga-tiga suspek itu berumur antara 27 hingga 42 tahun ditahan reman selama 14 hari dan kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah

Berbahaya 1952.

Beliau berkata, sepanjang tiga bulan pertama tahun ini pihaknya merampas pelbagai jenis dadah seberat 1,400 kg bernilai RM37 juta yang cuba diseludup melalui pintu-pintu masuk utama di negara ini.

"Pada bulan ini sahaja ada tiga kes rampasan dadah yang dilakukan JKDM dan pelbagai taktik mengedar dadah digunakan sindiket untuk menyeludup masuk dadah ke negara ini," katanya.